



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

**SEMUA PIHAK PERLU LINDUNGI HUTAN SIMPAN KEKAL
(HSK)**

3 MEI 2016

Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) tidak menggalakkan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) diwartakan keluar atau dibuka untuk apa-apa sahaja projek pembangunan tanah walaupun Pihak Berkuasa Negeri boleh berbuat sebaliknya sejajar dengan Seksyen 11, Akta Perhutanan Negara, 1984.

Namun demikian, Pihak Berkuasa Negeri perlulah komited untuk menggantikannya serta-merta selaras Seksyen 12, Akta yang sama di Kuala Lumpur atau di mana-mana sahaja di Semenanjung Malaysia. Jika perlu, melalui Majlis Tanah Negara (MTN), NRE akan memohon Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak projek-projek pembangunan tanah yang melibatkan HSK samada menimbang semula atau mengambil langkah-langkah yang memanfaatkan pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan mengambil kira kepentingan dan komitmen negara.

Cadangan seumpama ini, iaitu NRE boleh kuatkuasakan peraturan dan diwartakan terlebih dahulu kawasan gantian jika ada mana-mana hutan simpan kekal mahu dibangunkan sekiranya perlu untuk sebarang tujuan pembangunan boleh dibawa untuk dibincangkan dalam MTN. Dalam perkara ini, Pihak Berkuasa Negeri perlulah komited sepenuhnya kepada komitmen-komitmen negara kepada apa jua keputusan dari forum-forum seperti UNFF, UNFCCC -Paris Treaty dan TPPA. Bagi tujuan ini, adalah wajar Pihak Berkuasa Negeri komited kepada pengekalan kawasan berhutan tidak kurang 50% dpd keluasan Negara.

NRE prihatin terhadap risiko kitaran Fenomena El-Nino dari perspektif kawasan hutan sebagai kawasan tadahan hujan maka NRE tidak menggalakan pembukaan kawasan hutan secara berleluasa di samping membanteras insiden kebakaran hutan.

Pada masa kini, keluasan HSK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 68.27 hektar meliputi empat (4) HSK, iaitu HSK Bkt.Lagong= 2.10 ha; HSK Bkt.Nanas= 9.37 ha; HSK Sg. Puteh=14.51 ha & HSK Sg. Besi=42.29 ha. (i) HSK Bkt. Lagong diwartakan tahun 1962 dgn keluasan 2.10 ha, sekarang masih kekal 2.10 ha. (ii) HSK Bkt. Nanas diwartakan tahun 1906 dgn keluasan 17.00 ha, sekarang tinggal 9.37 ha, berkurangan 7.63 ha kerana diwarta keluar untuk tujuan pembinaan jalan & infra. (iii) HSK Sg. Puteh diwartakan tahun 1933 dgn keluasan 40.00 ha, sekarang tinggal 14.51 ha, berkurangan 25.49 ha kerana diwarta keluar untuk pembinaan jalan & infra. (iv) HSK Sg. Besi diwartakan tahun 1932 dgn keluasan 47.00 ha, sekarang tinggal 42.29 ha, berkurangan 4.71ha untuk tujuan pembinaan jalan & infra.

Secara keseluruhannya, keluasan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berkurangan 37.83 ha dari 106.10 ha sejak mula diwartakan ke keluasan 68.27 ha pada masa ini. Kehilangan keluasan HSK tersebut adalah berikutan keperluan mendesak untuk pembangunan tanah, terutama sekali untuk tujuan pembangunan jalan dan pelbagai infrastruktur yang amat pesat bagi memenuhi keperluan dan permintaan awam yang kian meningkat.

Adalah wajar aktiviti pembangunan tanah yang melibatkan HSK patut diberhentikan serta-merta bagi mengekalkan peranan serta sumbangan HSK kepada pembangunan negara serta konservasi kepelbagaian

hayat. Dengan sokongan padu NRE maka JPSM bersama-sama JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan terus memastikan HSK tersebut terpelihara. Saya menggesa agar semua pihak berkaitan untuk menimbang semula cadangan pembangunan yang melibatkan HSK.